

11 FEB 2003

Mahathir-Pahala (Bergambar)

IBADAH BUKAN UNTUK PAHALA SEMATA-MATA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam tidak harus mengharapkan pahala semata-mata ketika melakukan sesuatu ibadah sebaliknya sentiasa mengingati kesusahan yang dialami orang lain.

Perdana Menteri berkata ibadah yang dituntut dalam Islam sepatutnya membawa keinsafan dan kesedaran yang besar berhubung penderitaan orang lain.

"Jika kita tidak mengharapkan pahala untuk diri sendiri semata-mata, ia secara tidak langsung akan membentuk peribadi mulia," katanya pada majlis penyerahan lembu korban sempena sambutan Aidiladha di Kompleks Penyembelihan Daging Lembu di Paya Pahlawan dekat sini.

Beliau berkata ibadah seperti korban, zakat dan puasa akan membentuk peribadi dan nilai Islam serta boleh menjadikan seseorang itu mempelajari bagaimana untuk menginsafi kehidupan orang miskin dan daif.

"Apabila masyarakat mempunyai sifat-sifat belas kasihan, prihatin dan timbang rasa, maka akan wujudlah satu masyarakat yang bahagia dan tahu nilai bersyukur," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin keamanan serta kemajuan yang dinikmati negara ini akan membolehkan masyarakat meningkatkan ibadah masing-masing.

"Kesempurnaan melakukan ibadah akan melahirkan manusia yang lebih baik sejajar dengan ajaran Islam," katanya.

Lebih 70 ekor lembu disumbangkan oleh syarikat-syarikat korporat dan orang perseorangan pada majlis itu untuk diagihkan di setiap cawangan Umno dalam bahagian Kubang Pasu.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain turut hadir.

-- BERNAMA

MAN JM FIZ MAI